

**ENAKMEN 6 TAHUN 1991  
ENAKMEN KESALAHAN SYARIAH (NEGERI MELAKA) 1991**

**BAHAGIAN III - SUBAHAT**

---

**Seksyen 39. Tanggungan pensubahat bila suatu perbuatan disubahati dan suatu perbuatan yang lain dilakukan.**

Apabila suatu perbuatan disubahati dan suatu perbuatan lain dilakukan, pensubahat itu adalah bertanggungjawab kerana perbuatan yang dilakukan itu, seperti, dan setakat, seolah-olah ia telah menyubahatinya secara terus dengan syarat perbuatan yang dilakukan itu adalah kejadian yang munasabah terbit dari subahat itu, dan telah dilakukan di bawah pengaruh hasutan, atau dengan bantuan atau pada menurut pakatjahat yang menjadikan subahat itu.

*MISALAN*

(a) *A* menghasut seorang kanak-kanak supaya memasukkan racun ke dalam makanan *Z*, serta memberi racun kepadanya bagi maksud itu. Kanak-kanak itu, oleh sebab hasutan itu memasukkan racun itu dengan khilafnya ke dalam makanan *Y* yang ada di sebelah makanan *Z*. Di sini, jika kanak-kanak itu telah bertindak di bawah pengaruh hasutan *A*, dan perbuatan yang dilakukan itu adalah, dalam keadaan itu, suatu kejadian yang munasabah terbit dari subahat itu, maka *A* adalah bertanggung seperti, dan setakat, seolah-olah itu telah menghasut kanak-kanak itu supaya memasukkan racun itu ke dalam makanan *Y*.

(b) *A* menghasut *B* supaya membakar rumah *Z*. *B* membakar rumah itu, dan juga mencuri harta di situ. *A*, walaupun melakukan kesalahan menyubahati pembakaran rumah itu, tidaklah melakukan kesalahan menyubahati kesalahan mencuri itu; kerana mencuri itu adalah suatu perbuatan yang tertentu dan bukan kejadian yang munasabah terbit dari pembakaran itu.

---